

# **Garis Panduan Pertandingan Amalan 5S Sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2014**

## **1.0 Latar belakang**

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah berusaha untuk meningkatkan amalan 5S dan urus tadbir yang baik dan cemerlang.

## **2.0 Objektif**

Objektif pertandingan ini adalah untuk :-

1. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan.
2. Menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan.
3. Menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

## **3.0 Kriteria-kriteria Pertandingan**

Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-

- a) Usaha-usaha Ke Arah 5S
- b) Ruang Tempat Kerja (Pejabat)
- c) Persekitaran Tempat Kerja

Proses pengauditan berdasarkan sampel lokasi yang dipilih oleh Penilai iaitu:

- a) Satu (1) Ruang pejabat
- b) Satu (1) Bilik Mesyuarat
- c) Satu (1) Bilik Latihan/Kuliah
- d) Satu (1) Kaunter
- e) Satu (1) Stor
- f) Satu (1) Pantri
- g) Satu (1) Surau/Bilik Solat
- h) Satu (1) Tandas

#### **4.0 Syarat-syarat Penyertaan**

Semua PTJ yang tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S daripada mana-mana badan pensijilan.

#### **5.0 Penghakiman**

Pertandingan ini akan dinilai oleh Panel Auditor 5S yang dilantik. Penilaian akan dibuat pada bulan September 2014. Panel Auditor akan mengadakan lawatan ke setiap PTJ pada satu tarikh yang akan diberitahu. Keputusan pertandingan adalah muktamad dan akan diumumkan semasa Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan pada 6 November 2014.

#### **6.0 Hadiah Pertandingan**

Hadiah akan disediakan bagi Johan sebanyak RM 1000.00, Naib Johan sebanyak RM 750.00 dan Tempat Ketiga sebanyak RM 500.00 serta Sijil Penghargaan kepada PTJ berkenaan.

#### **7.0 Penghantaran Borang Penyertaan**

Borang Pengesahan Penyertaan Anugerah Amalan 5S hendaklah dihantar tidak lewat daripada **12 September 2014** kepada urusetia :

**Peneraju Anugerah Pertandingan Amalan 5S  
Sempena Hari Kualiti dan Inovasi 2014  
Bahagian Jaminan Kualiti  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia  
(u.p. : Encik Mat Razi Abdullah)**

Tel : 03-89471513 Fax : 03-8947 2098